



Rujukan : UMS/PPI1.3.2/400-3/6/1

Tarikh : **5** Oktober 2017

SENARAI EDARAN SEPERTIMANA DI LAMPIRAN

YBrs.Prof./Dr./Tuan/Puan,

TUNTUTAN PERJALANAN MENGHADIRI PERSIDANGAN DALAM / LUAR NEGARA BAGI TAHUN 2017

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bagi memastikan kelancaran aktiviti bayaran bagi tujuan penutupan akaun dilakukan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh pihak Bendahari, mohon kerjasama semua staf agar dapat mengemukakan tuntutan perjalanan menghadiri persidangan dalam / luar negara sepertimana ketetapan berikut:

Bil	Perkara	Tuntutan Perjalanan Bagi Tempoh	Tarikh Akhir Kemukakan Tuntutan Melalui Sistem i-Claim
1	Kemukakan tuntutan perjalanan menghadiri persidangan dalam / luar negara	Januari – November 2017	5 Disember 2017
2	Kemukakan tuntutan perjalanan menghadiri persidangan dalam / luar negara	Disember 2017 sahaja	20 Disember 2017

3. Kegagalan mengemukakan tuntutan perjalanan menghadiri persidangan dalam / luar negara mengikut ketetapan di atas akan menyebabkan tuntutan tersebut **TIDAK** dapat diperaku untuk bayaran sebab akaun telah ditutup.

4. Sehubungan itu, mohon jasa baik YBrs.Prof./Dr./Tuan/Puan agar dapat memanjangkan perkara ini kepada staf akademik di FPIU masing-masing. Segala kerjasama dan perhatian YBrs.Prof./Dr./Tuan/Puan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Sekian.

Yang ikhlas,

PROF. MADYA DR. LEE PING CHIN

Pengarah

Pusat Penyelidikan dan Inovasi

s.k Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Bendahari

Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, PPI

Zon Operasi Kewangan, PPI



CCertified to ISO9001:2008
Cert No. AR 3088